


**TAN SRI SENU ABDUL RAHMAN
TOKOH POLITIK MELAYU**

ZURAIDAH BINTI MOHD SULAIMAN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

30 JANUARI 2007

SULAIMAN

.....

ZURAIDAH BT. MOHD

200200828

TAN SRI SENU ABDUL RAHMAN



Sumber : Dewan Bahasa dan Pustaka

PERJUANGAN TAN SRI SENU ABDUL RAHMAN

*Dengan apa harus kugarap nama itu
Dengan setangkai kenangan kerana jasa-jasamu barangkali
Dengan apa lagi harus aku bayar hutang jasamu itu
Dengan ingatan dan tahniah tulus ikhlasku barangkali
Dengan sekelopak mawar kemenangan yang engkau tinggalkan
Dengan sejuta dirgahayu kemerdekaan yang engkau perjuangkan
Dengan segala-galanya kerana akulah anak-anak generasi
yang lahir dari tempik suaramu
menghalau British dari bumi bertuah kita ini.*

*Dan kerana akulah penggempur baru
yang mewarisi jalan juangmu yang engkau bina
Dari onak dan duri yang memanjang bisanya
Sesekali tergambar juga kecintaan terhadap bangsa kita
Lalu bertanyalah aku berkali-kali kepada catatan sejarahmu
Dengan apa agaknya harus kupahatkan cinta itu
pada tugu kemenangan yang engkau bina berkurun lamanya.*

*Akulah yang sering melihat kerut dahinya
Kerana menahan sakit pada luka susah payahmu yang engkau tatang
Kerana engkau mahu melihat
kami terbebas daripada cengkaman penjajah.*

*Dan terima kasih kerana jalan itu sudah kau rintis
Dengan peluh yang berlenja keluar dari setiap ruang romanya
Dan aku dapat melihat engkau menangis
kerana mereka kata peluh itu pengorbanan percuma
Yang tidak perlu dikenang
Yang tidak perlu diucap terima kasih berulang-ulang
Yang tidak perlu ada pembalasannya.*

*Sayang mereka lupa segala-galanya yang telah engkau buat untuk mereka
Mereka lupa betapa besarnya jasamu
Mereka lupa segalanya kerana mereka buta sejarah
Kerana mereka mahu memadam sejarahmu dalam ingatan
yang masih terang bercahaya dengan sinar kemenangannya.*

Dipetik dari : Hasan Baseri Budiman, *Memoir Perjuangan Tan Sri Senu Abdul Rahman*, Arkib Negara Cawangan Kedah-Perlis, tiada tahun, 1

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka matlamat untuk menyiapkan disertasi ini dapat dicapai walaupun dengan segala cabaran dan dugaan, tetapi penuh sokongan.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada para penyelia, iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, Dr. Mohd Afif Abidin dan En. Idris Mohd Radzi kerana segala tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan. Pengalaman dan hubungan akrab Dato' Dr. Asmah dengan tokoh yang dikaji amat berharga dan sekali gus banyak membantu menyiapkan kajian. Hanya Allah yang mampu membalas segala pengetahuan dan budi baik kalian terhadap saya, sebagai insan yang serba kekurangan dalam menempuh segala cabaran demi kejayaan dalam hidup.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada pihak Universiti kerana memberikan geran penyelidikan. Sesungguhnya geran tersebut saya anggap sebagai sokongan dan kepercayaan yang tidak ternilai buat diri saya. Tanggungjawab dan amanah yang diberikan sedaya upaya dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Terima kasih juga kepada Dato' Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang dan Tuan Haji Nik di Bahagian Penyelidikan UMNO kerana kerjasama dan perhatian kalian terhadap kajian saya ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kakitangan perpustakaan dan pihak lain yang banyak memberi bantuan. Tiada ungkapan yang berharga dapat diucapkan selain ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga daripada saya.

Buat ayah dan bonda yang tercinta, sesungguhnya terlalu sukar untuk dijelaskan bahawasanya apa yang dilakukan ini semata-mata sebagai jalan untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Terima kasih kerana sudi memahami.

Buat adik beradik dan teman-teman rapat yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan, segala budi baik kalian akan dikenang. Jojoy, Zura, Kak Ah, Ijan dan semua yang banyak membantu, sesungguhnya sokongan kalian banyak menguatkan semangatku.

Teristimewa ucapan terima kasih daun keladi kepada insan yang banyak memberi sokongan, dorongan dan bantuan pada setiap saat dan setiap waktu.....terima kasih terhadap kasih dan budi.....

Zuraidah Bt. Mohd Sulaiman,
Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan ketokohan, kepemimpinan dan sumbangan Tan Sri Senu Abdul Rahman sebagai ahli politik tanah air. Penelitian kajian ini bermula dengan menghuraikan latar belakang dan riwayat hidup Senu sebagai penuntut di SITC, bagaimana beliau menggunakan penulisan dan media dalam perjuangan sehinggalah kepada penglibatan Senu dalam bidang politik. Pengkaji cuba mengaitkan jasa dan sumbangan yang dicurahkan melalui pendidikan bahasa yang diperoleh, terutamanya sewaktu menuntut di SITC. Pendidikan bahasa Melayu yang diterima oleh Senu banyak memainkan peranan penting dan membawa terhadap perkembangan pemikiran beliau pada soal-soal kebangsaan dan akhirnya Senu berjaya mencapai kejayaan dalam kerjaya politik beliau. Kesedaran mengenai pentingnya bahasa British pula dijadikan pembangkit semangat untuk Senu melengkapkan diri menjadi pemimpin yang dapat memimpin bangsanya hingga akhirnya meletakkan nama beliau dalam senarai pejuang bangsa. Ketokohan dan keazaman Senu dalam perjuangan politik yang antara lain memberi manfaat terhadap kedudukan bahasa kebangsaan seharusnya diteladani oleh generasi masa kini kerana beliau merupakan insan yang sanggup melalui pelbagai dugaan dan kesukaran hidup semata-mata untuk berbakti kepada bangsa Melayu menerusi bidang yang dicintainya, iaitu politik.

ABSTRACT

This research discusses the prominence, leadership and contributions of Tan Sri Senu Abdul Rahman as a politician. This research opens with the background and memoirs of Senu as a student at SITC and explains in detail how he used his writing and the media in his struggles up until the time he became involved in politics. The researcher attempts to relate his meritorious efforts and contributions through language education which he received, especially during his time studying at SITC. The Malay language education which Senu received played an important role in expanding his thoughts on nationality and his achievements in his political career. His awareness of the importance of the English language heightened his enthusiasm to become an exemplary figure as a national leader, and in the end his name was placed on the list of the country's nationalists. Senu's prominence and determination in his political struggles and other affairs benefited the position of the national language. He set a good example for today's generation, since Senu represents a man whom is willing to undergo various obstacles and difficulties primarily for the sake of the Malay race, through the field which is loved most by him, namely politics.

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN/ TATA NAMA/ ISTILAH	viii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Tujuan kajian	19
1.3 Skop kajian	19
1.4 Kajian lepas	22
1.5 Metodologi kajian	24
1.6 Sistematika kajian	26
 BAB 2 : RIWAYAT HIDUP TAN SRI SENU ABDUL RAHMAN	
2.1 Latar belakang keluarga dan pendidikan Senu	29
2.2 Kerjaya sebagai guru dan kesedaran berpolitik	46

2.3	Senu dalam zaman pendudukan Jepun	62
2.4	Satu kesedaran yang membawa Senu melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat	76
2.5	Penglibatan Senu dalam politik negara	85
2.6	Rumusan	95
BAB 3	: SENU SEBAGAI PENUNTUT DI SULTAN IDRIS TRAINING COLLEGE (SITC)	
3.1	Belajar di Sultan Idris Training College (SITC)	98
3.2	SITC sebagai penyumbang terhadap semangat kebangsaan	110
3.3	Rumusan	132
BAB 4	: BAHASA MELAYU DALAM PERJUANGAN BANGSA DAN KEMERDEKAAN SENU	
4.1	Penulisan sebagai alat dalam perjuangan Senu	134
4.2	Idea dan sikap bahasa Senu dalam <i>Revolusi Mental</i>	165
4.3	Media sebagai alat dalam perjuangan Senu	188
4.4	Rumusan	202
BAB 5	: SENU SEBAGAI PEJUANG POLITIK	
5.1	Perjuangan politik Senu dalam Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS)	206
5.2	Perjuangan politik Senu sebagai wakil Kesatuan Melayu Kedah (KMK) dan Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS) dalam United Malay National Organization (UMNO)	227
5.3	Perjuangan politik Senu ketika menjadi Setiausaha Agung UMNO	238

5.4	Perjuangan politik Senu semasa menjadi Duta Besar Malaya di Indonesia	242
5.5	Perjuangan politik Senu sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu	247
5.6	Perjuangan politik Senu ketika menjadi Ketua Pemuda UMNO	250
5.7	Rumusan	253
BAB 6 : KESIMPULAN		256
RUJUKAN		265
LAMPIRAN		281

SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 2.1	Tujuan Pendidikan Sekular Sekolah Melayu Anjuran Penjajah British	41-42
Jadual 3.1	Jadual Waktu Harian Pelatih SITC	107

SENARAI RAJAH

GAMBAR

MUKA SURAT

Gambar 3.1	Gambar menunjukkan penuntut SITC berpakaian seragam dan bersongkok	281
Gambar 3.2	Gambar menunjukkan penuntut SITC berpakaian kebangsaan	282
Gambar 3.3	Gambar menunjukkan sebahagian daripada guru-guru SITC	283
Gambar 3.4	Gambar menunjukkan Cikgu Harun Mohd Amin (Harun Aminurrashid), guru Ilmu Hisab SITC (1927-1939)	284
Gambar 4.1	Tan Sri Senu Abdul Rahman sedang memerhatikan istiadat menandatangani Naskhah Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan pada 20 Februari 1956 di Melaka	285
Gambar 5.1	Tan Sri Senu Abdul Rahman dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman	286
Gambar 5.2	Tan Sri Senu Abdul Rahman dalam Kabinet Tun Abdul Razak	287
Gambar 5.3	Tan Sri Senu Abdul Rahman dalam Kabinet Tun Hussein Onn	288

SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

SITC	-	Sultan Idris Training College
MPSI	-	Maktab Perguruan Sultan Idris
IPSI	-	Institut Perguruan Sultan Idris
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UMNO	-	United Malays National Organization
SABERKAS	-	Sarikat (Syarikat) Bekerjasama Am Saiburi
PEKEMBAR	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UCLA	-	University Of California Los Angeles
MCA	-	Malayan Chinese Association
MIC	-	Malayan Indian Congress
PAS	-	Parti Islam Se-Malaya
BERNAMA	-	Berita Nasional Malaysia
NNMB	-	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	-	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	-	Negeri-Negeri Selat
PNI	-	Partai Nasional Indonesia
PASPAM	-	Persatuan Sahabat Pena Malaysia
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
PUK	-	Persatuan Ulama Kedah
KMK	-	Kesatuan Melayu Kedah
U.M.O	-	United Malay Organization
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PBB	-	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
PMIP	-	Pan-Malayan Islamic Party
Y.B	-	Yang Berhormat
Dr.	-	Doktor
Prof.	-	Profesor
BM	-	Bahasa Melayu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang Kajian

Kajian mengenai tokoh merupakan perkara yang sangat menarik untuk dibincangkan khususnya apabila menyentuh aspek pemikiran mereka. Namun, hakikat yang tidak harus dilupakan dalam usaha menyingkap ketokohan seseorang individu ialah wujudnya hubungan yang erat antara bahasa dengan idea atau gagasan yang diutarakan. Jika dilihat dari segi fungsi bahasa dengan lebih mendalam, bahasa sebenarnya bukan hanya semata-mata segugus perkataan atau satu set rumus dan hukum nahu sahaja, tetapi peranannya lebih daripada itu, antara lain sebagai alat pernyataan atau ekspresi dalam pemikiran penuturnya. Ungkapan-ungkapan yang sering didengar seperti bahasa sebagai wadah pemikiran, pemikiran tidak wujud tanpa bahasa, kita berfikir dengan ayat-ayat (bahasa) dan sebagainya menguatkan kebenaran mengenai wujudnya perkaitan antara bahasa dengan pemikiran.

Mengenai korelasi antara bahasa dengan pemikiran, Sidek Fadzil (2002 : 13) dalam tulisannya yang bertajuk *Pemikiran Melayu Tentang Hakikat Diri* menegaskan bahawa bahasa tidak mungkin dapat difahami melainkan dalam hubungannya dengan pemikiran kerana pemikiran tidak akan wujud tanpa menggunakan bahasa. Malah, bahasa dan pemikiran juga sebenarnya mampu menjalankan fungsinya dengan serentak dan lebih bermakna, iaitu berupaya mempengaruhi pemikiran individu yang lain dan seterusnya membawa kepada berlakunya perubahan sama ada dari aspek ekonomi, politik atau sosial.

Di samping itu, pemikiran dianggap sebagai sumber jati diri yang mengandungi falsafah, kebudayaan, nilai dan akhlak yang baik berdasarkan hasil karya kesusasteraan, sosio-budaya dan sosio-ekonomi yang melatari masyarakat. Contohnya dalam konteks masyarakat Melayu, ciri-ciri yang dinyatakan itu melahirkan apa yang dikatakan sebagai satu pembentukan paradigma pemikiran dalam epistemologi Melayu (Mohd. Yusof Hasan, *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*, 2004 : 4).

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan di atas, apabila ditulis sahaja hasil kesusasteraan, maka bahasalah yang menjadi salah satu komponen penting mewujudkan karya tersebut. Melalui bahasa juga terkandungnya pelbagai pemikiran. Hal ini juga membawa pengertian bahawa bahasalah yang menjadi sumber kepada berkembangnya pemikiran dan hasilnya maka terbentuklah karya kesusasteraan. Penulisan Yusof ini menampakkan wujudnya perkara yang menarik untuk diberi perhatian, iaitu beliau tidak pula meletakkan bahasa sebagai salah

satu komponen bagi mantapnya paradigma pemikiran bangsa Melayu, tetapi sebaliknya menggariskan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kekuatan pelaksanaan sistem pendidikan sebagai asas yang utama.

Dalam kaitan ini relevan sekali jika sejarah penulisan karya kesusasteraan Melayu Islam itu disingkap. Tokoh-tokoh kesusasteraan Melayu yang tersohor namanya di seluruh Nusantara Melayu seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin Al-Raniri (Aceh), Syeikh ‘Abd Al-Samad (Palembang), Syeikh Muhammad Arshad (Banjar) dan Syeikh ‘Abdul Malik (Terengganu) menggunakan bahasa Melayu dalam karya-karya mereka. Masyarakat sentiasa menghormati dan menyanjung tinggi karya serta menganggap mereka sebagai ilmunan dan intelektual.

Kesan yang dapat dilihat melalui keadaan tersebut ialah nilai ilmu dan pemikiran yang melatari karya-karya mereka yang berbahasa Melayu itu berupaya melahirkan tradisi keintelektualan dan ketinggian bangsa dalam masyarakat dan hal ini sesuai pula digambarkan menerusi serangkap pantun seperti yang dinyatakan di bawah :

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Demikianlah secara lahiriahnya manusia itu dianggap sebagai *hayawan natiq*, yakni makhluk yang berbahasa. Malah, bahasa turut mampu menjadi ukuran

terhadap mercu ketinggian sesuatu bangsa dan tamadun. Jadi sebagai manusia yang menggunakan bahasa tentulah manusia berfikir dan menentukan pula batasnya. Mengenai medium atau kaedah yang digunakan itu adalah pelbagai dan sudah pastinya penulisan merupakan antara wadah yang paling sesuai digunakan untuk menyampaikan pemikiran berupa semangat, perasaan, nilai, makna ujaran atau hujahan, ilmu dan sebagainya (Sidek Fadzil, *Pemikiran Melayu Tentang Alam dan Hakikat Diri*, 2002 : 12).

Maka hal inilah yang cuba diketengahkan dan menjadi fokus perbincangan kajian. Kebangkitan semangat kebangsaan Melayu di negara kita merupakan antara contoh lain yang dapat mengaitkan hubungan antara bahasa dengan pemikiran. Sebenarnya sejak awal abad ke-20, iaitu semasa negara di bawah penguasaan penjajah istilah *nasionalisme linguistik*, yakni semangat kebangsaan yang berteraskan perjuangan bahasa telah menjadi dasar atau tunjang terhadap kebangkitan gerakan kebangsaan masyarakat Melayu (Dato' Abdul Rahim Abu Bakar, *Suara Pejuang Bahasa*, 2005 : 15).

Pembentukan jati diri Melayu ditentukan oleh bangsa yang bercirikan dan berbudayakan Melayu itu sendiri (Mustafa Daud, *Pemikiran Melayu Tentang Alam dan Hakikat Diri*, 2002 : 101). Bahkan, sesebuah bahasa yang hendak dijadikan teras perjuangan maruah bangsa sememangnya mempunyai ciri-ciri intrinsik yang mampu menjadi wahana pemikiran, iaitu mampu melaksanakan peranan dan mempunyai fungsi tinggi selain mengandungi ilmu yang kompleks

(Abdullah Hassan, *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-Esei Lain*, 1997 : 3).

Istilah jati diri berdasarkan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1997 : 404) membawa maksud seperti berikut, iaitu : (i) ciri-ciri, gambaran atau keadaan khusus seseorang atau suatu benda; identiti; (ii) inti, jiwa, semangat dan daya gerak dari dalam, yakni spiritualiti. Definisi tersebut menjelaskan bahawa jati diri sebenarnya mempunyai makna yang amat penting kepada masyarakat Melayu ketika zaman penjajahan kerana mengandungi semangat, keadaan, cita rasa, cara berfikir dan bertindak, inti perjuangan dan sebagainya yang membawa kepada usaha atau kaedah untuk mencapai matlamat dalam hidup seseorang individu atau sesebuah masyarakat.

Bahasa memainkan peranan penting dalam pemikiran masyarakat untuk menunjukkan jati diri atau identiti sebuah bangsa yang bercirikan Melayu. Dengan kata lain, bahasa tidak dapat dipisahkan daripada proses pembinaan bangsa. Bahkan bahasa juga menjadi sumber penting untuk membentuk integrasi politik dan sering juga bahasa boleh menjadi punca krisis politik dan budaya yang boleh mengancam kemajuan bangsa dan negara (Dato' Dr. Hassan Ahmad, *Suara Pejuang Bahasa*, 2005 : 72).

Bahasa bukan setakat kalimat semata-mata tetapi di dalamnya mengandungi makna, cita rasa dan semangat perjuangan yang meluap-luap. Keupayaan bahasa Melayu sebagai tonggak negara bangsa tidak dapat dipisahkan daripada gerakan pembebasan tanah air kerana salah satu penyebab timbulnya

semangat perjuangan ialah berasaskan faktor bahasa. Usaha menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama bagi mewujudkan sebuah negara yang merdeka merupakan objektif perjuangan yang sering diutamakan. Nasionalis-nasionalis Melayu terawal seperti Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin, termasuklah guru-guru keluaran Sultan Idris Training College (SITC) seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Abdul Hadi Haji Hassan, Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Ahmad Bakhtiar dan Mahmud Ahmad bertanggungjawab memberi kesedaran dan menaikkan semangat orang Melayu menentang British (Edward Shils, *The Intellectuals in the Political Development of the New States*, 1971 : 250).

Pertumbuhan akhbar Melayu pada awal abad ke-20 memainkan peranan penting bukan sahaja dalam pembangunan fikiran masyarakat Melayu tetapi juga tentang bahasa. Ia bukan sedikit dipengaruhi oleh bahang gerakan reformis Islamiah yang bermula di Asia Barat. Kemunculan akhbar seperti *Cahaya Pulau Pinang* (1900), *Taman Pengetahuan* (1904), *Al-Imam* (1906), *Utusan Melayu* (1907), *Neracha* (1911), *Tunas Melayu* (1913), *Lembaga Melayu* (1914), *Pengasuh* (1918), *Utusan Melayu* (terbitan kali kedua pada 1939), *Idaran Zaman* (1925), *Suara Malaya* (1926), *Al-Ikhwan* (1926), *Saudara* (1928), *Lidah Benar* (1929), *Warta Malaya* (1930) dan *Majalah Guru* (1924) memperlihatkan kerancangan perbahasan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai perantaraan untuk mengutarakan pendapat mengenai isu pembelaan dan kemajuan orang Melayu.

Malah dalam *Majalah Guru* sering sekali seruan dibuat supaya orang Melayu jangan lupa mempelajari dan memelihara bahasa Melayu yang dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah Melayu sepertimana yang boleh dilihat menerusi petikan berikut :

Jika tiada sekolah Melayu, perasaan kebangsaan Melayu yang wajib menjadi semangat atau nyawa kemajuan tidak akan bertambah subur seperti sekarang bahkan akan bertambah kurang dan semakin hilang.

(Lihat rencana 'Bangsa Melayu boleh pupus jika tidak ada sekolah Melayu',
Majalah Guru, Mei 1931 : 83)

Pertumbuhan buku cerita atau novel yang dihasilkan sebahagian besar oleh para penulis yang hanya lulusan maktab perguruan Melayu khususnya dari SITC semakin rancak. Penubuhan maktab ini pada tahun 1922 penting dalam sejarah pergerakan kebangsaan terutamanya dalam perjuangan menempatkan bahasa Melayu di taraf yang didudukinya dewasa ini. Di Tanjung Malimlah berkembangnya tunas semangat kebangsaan Melayu yang tersusun rapi justeru kerana satu-satunya institut pendidikan tinggi yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Di situlah tertubuhnya persatuan berunsur politik yang diberi nama Ikatan Pemuda Pelajar (1929). Setahun kemudian Ibrahim Yaakob menubuhkan Belia Melayu dan dalam tahun 1937, beliau menubuhkan Kesatuan Melayu Muda

(KMM) yang turut dianggotai wartawan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Ahmad Boestamam. Dalam perjuangannya, Ibrahim Yaakub sering menggesa orang Melayu supaya bersatu dan berjuang mempertahankan ketuanan Melayu untuk kemajuan bangsa Melayu sebagaimana yang boleh dilihat daripada petikan berikut :

Kepentingan serta kemajuan bangsa Melayu harus dipertahankan dan diperjuangkan oleh orang Melayu itu sendiri.

(Ibrahim bin Haji Yaakub, Ruangan
Buah Fikiran dan Surat Kiriman,
Majlis, 28 Mac 1932 : 16)

Pada tahun 1948 pula, Aminuddin Baki telah menyatukan pelbagai persatuan pelajar yang mendukung semangat kebangsaan di bawah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Bahasa Melayu dimanfaatkan sebaik-baiknya agar amanat yang disampaikan dapat menyerap dalam diri setiap anggota masyarakat supaya tetap bersatu teguh memperjuangkan hak dan kedudukan mereka daripada penjajah.

Perjuangan menuntut kemerdekaan dengan bahasa Melayu sebagai salah satu komponennya berterusan selama kira-kira tiga dekad. Akhirnya dalam pilihan raya pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955, Parti Perikatan yang terdiri daripada tiga parti politik yang mewakili tiga kaum terbesar, iaitu UMNO, MCA dan MIC dalam manifesto pilihan raya telah bersetuju untuk

menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam masa 10 tahun sesudah merdeka. Inilah yang menjadi asas terpenting dalam usaha merencanakan bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun sebuah negara bangsa.

Semangat kental orang Melayu dalam usaha memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya akhirnya berjaya. Begitu juga semangat kebangsaan itu turut memperlihatkan betapa pentingnya peranan bahasa Melayu dalam pembinaan pemikiran bangsa. Tiada siapa yang mampu menentang tuntutan ini kerana kekuatan sosiobudaya bahasa Melayu sejak ratusan tahun lamanya mengabsahkan tuntutan tersebut (Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar, *Suara Pejuang Bahasa*, 2005 :46). Pendapat Hamka dalam bukunya yang bertajuk *Mengabdi Bahasa, Bangsa dan Dunia* mengenai keyakinan beliau terhadap keupayaan bahasa memperteguh dan mengukuhkan bangsa melalui semangat kebangsaan boleh dipetik. Kata Hamka:

Dengan bahasa kita yang diperindah, kita perkukuh bangsa kita, dan dengan kebangsaan yang kukuh itu, kita turut membentuk dunia baru.

(Hamka, 1966 : 162)

Hans Kohn pernah menyatakan bahawa faktor bahasa, keturunan, daerah, entiti politik, kebudayaan dan tradisi yang sama merupakan ciri penting bagi pembentukan sebuah negara bangsa. Begitu juga menurut seorang lagi sarjana

Barat, iaitu Elie Kedourie yang mengatakan bahawa manusia secara semulajadinya berpaksikan negara bangsa dan ianya dikenali dengan ciri-ciri tertentu yang sama dan jenis kerajaan yang dianggap sah hanyalah kerajaan nasional yang berasaskan pemerintahan sendiri. Dalam nada yang sama, Palmer dan Colton turut melihat bahawa pembentukan sebuah negara bangsa selalunya terdiri daripada manusia yang berkongsi satu bahasa. Pendeknya, berasaskan pendapat-pendapat tersebut dapatlah dinyatakan bahawa pembentukan sebuah negara bangsa mestilah berasaskan sebanyak mungkin unsur persamaan dalam kalangan warga yang mendiami sesebuah negara bangsa itu (Qasim Ahmad, Konsep Kemerdekaan dan Nasionalisme, *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia* (Jilid 1)).

Ambil sahaja contoh semasa penjajahan Jepun di Indonesia. Sehingga tahun 1945, revolusi kebangsaan di Indonesia mendukung kuat cita-cita luhur rakyatnya untuk mencapai kesepaduan bangsa melalui bahasa Indonesia (bahasa Melayu). Jepun telah membuat satu perubahan mendadak dengan menghapus terus bahasa Belanda sebagai bahasa rasmi dan bahasa pemerintahan di Indonesia. Sebagai gantinya bahasa Indonesia menjadi penting; sebagai bahasa pengucapan pemikiran intelektual dan mengambil alih peranan bahasa Belanda. Memanglah menjadi niat Jepun untuk menggantikan bahasa Belanda dengan bahasa Jepun tetapi ini tentunya mengambil masa yang lama. Akhirnya bahasa Indonesia tetap didaulatkan dalam Undang-Undang Dasar 1945 sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Indonesia selepas pengisytiharan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia

pada 17 Ogos 1945 (Ahmat Adam, *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*, 1994 : 41).

Usaha mengutamakan bahasa ibunda dalam kerangka pemikiran kebangsaan dan politik ini harus diketengahkan. Tokoh politik yang bernama **Senu Abdul Rahman** (bergelar Tan Sri dan selepas ini hanya ditulis sebagai Senu) wajar diketengahkan sebagai fokus dalam kajian ini. Penglibatan beliau dalam proses pembinaan negara bangsa antara lain meliputi soal politik, sosial, bahasa, pendidikan dan sebagainya tidak harus dipandang sepi.

Meskipun bahasa hanya menjadi antara komponen dalam lipatan perjuangan beliau untuk bangsa dan negara, tetapi secara tidak langsung kesetiaan Senu menggunakan bahasa Melayu dalam perjuangan dan kerjaya politik beliau secara tidak langsung telah meletakkannya antara tokoh politik Melayu yang disegani. Kajian ini sedikit banyak dapat memberikan ruang yang adil dan saksama dengan cara mengetengahkan Senu sebagai tokoh politik Melayu yang selama ini tidak kurang penting jasanya terhadap negara.

Penilaian masyarakat terhadap beliau tidak seharusnya terhad dalam bidang politik sahaja. Tanpa disedari Senu sebenarnya memanfaatkan kedudukan beliau sebagai 'orang penting' dalam pertubuhan politik yang dianggotainya seperti SABERKAS dan UMNO, antara lain sebagai perencana pelbagai program yang menyatupadukan rakyat berbilang bangsa. Berhubung dengan sumbangan yang telah diberikan oleh Senu itu, maka fokus perbincangan haruslah bertumpu pada